

Lampiran Penerangan Produk

Workplace Personal Accident

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi Anda dengan beberapa maklumat utama mengenai insurans kemalangan peribadi kamu.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **Anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Workplace Personal Accident ini?

Workplace Personal Accident adalah polisi berkumpulan yang memberi ganti rugi apabila terjadinya kecederaan, ketidakupayaan atau kematian Orang Yang Diinsuranskan yang diakibatkan semata-mata dan secara langsung oleh cara luar yang dashyat, dan boleh dilihat dan secara kemalangan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 35.50** (Setiap orang berdasarkan 1-10 pekerja) setahun, Orang Yang Diinsuranskan akan menerima **perlindungan** berikut :

Polisi ini melindungi: (Jumlah Diinsuranskan Setiap Orang) :	
• Kematian Akibat Kemalangan	RM 50,000
• Ketakupayaan	Sehingga RM50,000
• Perbelanjaan Pengebumian	RM 2,000
• Penghantaran Pulang Jenazah	RM 3,000
• Manfaat Koma (Sekali sahaja)	RM 500
• Perbelanjaan Mobiliti	RM 500
• Kos Ambulans	RM 500
• Ragut/Rompakan	RM 150

Dengan membayar premium **tambahan**, perlindungan boleh diperluaskan untuk merangkumi :

Manfaat Pilihan (Jumlah Diinsuranskan Setiap Orang) :	
• Ketakupayaan Menyeluruh Sementara (Setiap minggu)	RM 100 (Tidak melebihi 75% daripada gaji asas mingguan)
• Ketakupayaan Separa Sementara (Setiap minggu)	RM 50
• Bayaran Balik Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	RM 500
• Pendapatan Hospital Harian Akibat Kemalangan (Maksimum 60 hari)	RM 10 Setiap hari

Polisi ini mengecualikan :
- Sebarang jenis penyakit, virus atau jangkitan bakteria - Kecederaan diri sendiri yang disengajakan, bunuh diri, salah laku melulu atau perbuatan menyalahi undang-undang atau jenayah - Peperangan, serangan, perang saudara, penyertaan langsung dalam mogok atau rusuhan - Pelbagai jenis sukan profesional - Anggota angkatan bersenjata, tentera laut, tentera, tentera udara mana-mana negara atau pihak berkuasa antarabangsa - Kehamilan, kelahiran atau keguguran - Terbang atau terlibat dalam aktiviti udara selain daripada sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen untuk membawa penumpang dan beroperasi antara lapangan terbang komersial yang diakui - Pekerjaan/risiko/perdagangan tertentu contohnya loji atom/nuklear, angkatan tentera, risiko luar pesisir/krew kapal

Nota: Di atas adalah huraian ringkas mengenai manfaat dan pengecualian utama tertentu di bawah Polisi dan bukan menyeluruh. Sila baca Keterangan Polisi untuk carta manfaat untuk kematian dan ketidakupayaan, butir-butir, terma dan syarat penuh insurans.

Jika Anda mempunyai soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan peribadi Anda, Anda boleh :
 Hubungi Kami di: 603-2058 3000
 Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>
 Emel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans kemalangan peribadi ini, Anda mesti membayar premium :	
Perlindungan Standard	RM 35.50 (Setiap orang berdasarkan 1-10 pekerja) setahun
Perlindungan Tambahan - Ketakupayaan Menyeluruh Sementara dan Ketakupayaan Separa Sementara (Setiap minggu)	RM 15.40 (Setiap orang berdasarkan 1-10 pekerja) setahun
Bayaran Balik Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	RM 3.60 (Setiap orang berdasarkan 1-10 pekerja) setahun
Pendapatan Hospital Harian Akibat Kemalangan	RM 1.25 (Setiap orang berdasarkan 1-10 pekerja) setahun
Anda juga perlu membayar fi dan caj yang berikut :	
Duti setem	RM 10.00
Komisen yang dibayar, jika ada, kepada perantara Insurans	Maksimum sehingga 25% daripada premium
Caj berkenaan yang lain	Cukai perkhidmatan 8%

4. Lain-lain Terma

- Polisi ini boleh dibeli oleh syarikat untuk melindungi pekerjaanya. Semua pekerja yang layak adalah diwajibkan untuk dimasukkan di bawah perlindungan Polisi ini.
- Premium minimum ialah RM 100 (tidak termasuk cukai yang berkenaan dan duti setem) untuk Polisi ini.
- Saiz kumpulan minimum ialah 3 pekerja untuk Polisi ini.
- Orang yang Diinsuranskan mestilah berumur antara enam belas (16) dan tujuh puluh (70) tahun pada tarikh permulaan Polisi ini (boleh diperbaharui sehingga tujuh puluh lima (75) tahun).
- Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui Polisi Anda setiap tahun.
- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang cadangan (atau semasa Anda memohon untuk Perlindungan ini).
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti perubahan dalam profil syarikat dan/atau butiran pekerja, pekerjaan dan aktiviti peribadi yang akan menjejaskan profil risiko Anda. Anda mesti mengambil langkah yang wajar untuk tidak membuat salah nyata dan menjawab soalan dengan lengkap serta tepat. Kegagalan untuk berbuat demikian boleh menyebabkan kontrak dibatalkan atau tuntutan anda ditolak atau dikurangkan.
- Prosedur membuat tuntutan - Jika berlaku apa-apa kejadian yang berkemungkinan menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, Anda mesti memberikan notis bertulis kepada Kami secepat yang mungkin, dan dalam apa-apa kejadian, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian.
Untuk membuat tuntutan, sila log masuk dengan nombor Polisi Anda dan lengkapkan permohonan atas talian berserta dengan dokumen sokongan kepada Portal Tuntutan Chubb Malaysia di:
<https://apac.myaccount.chubb.com/myaccount/my/default/default/default/en-MY>
- Premium tamat tempoh mesti dibayar dan diterima oleh Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi/pengendorsan/sijil pembaharuan. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Kontrak ini akan dibatalkan secara automatik dan Kami berhak untuk mendapat premium pro-rata untuk tempoh Kami berisiko.
- Kadar premium yang perlu dibayar pada Polisi Anda tidak dijamin dan Kami berhak untuk meminda kadar premium dengan memberi Anda notis bertulis selama tiga puluh (30) hari.
- Jumlah premium yang Anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan, pilihan manfaat, jumlah pekerja yang Anda ingin lindungi dan kelas pekerjaan pekerja.

Nota: Senarai ini bukan menyeluruh. Anda patut merujuk kepada Polisi/sijil insurans untuk senarai terma dan syarat penuh.

5. Bolehkah saya membatalkan Perlindungan saya?

Ya. Anda boleh membatalkan Polisi Anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Apabila Polisi dibatalkan dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat, Anda boleh menerima bayaran balik premium berdasarkan skala kadar tempoh pendek (tertakluk kepada premium minimum RM 100) seperti yang ditunjukkan dalam Keterangan Polisi.